

TALKING POINT
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KOPERASI GURU-

**GURU MELAYU MUAR BERHAD KALI KE-
59 TAHUN 2023**

**11 MAC 2023 (SABTU)
10:45 PAGI
HOTEL MUAR TRADERS**

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

YBrs. En. Abdul Fadzil bin Hussin

Pengerusi Koperasi Guru-Guru Melayu
Muar Berhad
Barisan Anggota Lembaga Koperasi

Para Perwakilan Koperasi Guru-Guru
Melayu Muar Berhad

Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan, hadirin yang dihormati sekalian

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita

bersama-sama pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Guru-Guru Melayu Muar Berhad Kali ke-59 Tahun 2023.**

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga koperasi atas kesudian

menjemput saya merasmikan
mesyuarat agung tahunan ini.
Kehadiran anda semua dalam majlis ini
amat-amat dihargai.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Statistik interim SKM sehingga **Jun 2022** menunjukkan **bilangan koperasi di seluruh negara** adalah sebanyak **14,975 buah** dengan **keanggotaan melebihi tujuh juta orang**. Manakala modal syer pula berjumlah **RM16,520.49 juta** dan aset sebanyak

RM156,181.16 juta yang menjana perolehan sehingga **RM22,363.36 juta**.

4. Statistik ini menunjukkan bahawa masyarakat masih menaruh keyakinan terhadap koperasi dalam membantu meningkatkan taraf hidup selain menyediakan peluang perniagaan

yang mampu membawa perubahan kepada landskap ekonomi.

5. Sebagai badan apeks koperasi negara, ANGKASA komited membantu koperasi sama ada dari segi khidmat nasihat, merangka pelan perniagaan dan aktiviti perkhidmatan yang dapat

memberikan pulangan sosioekonomi yang bermanfaat untuk anggota khususnya dan koperasi umumnya.

6. Untuk kepelbagaian aktiviti, koperasi disarankan untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan koperasi/agensi berkaitan agar dapat

membantu meluaskan rangkaian perniagaan pada skala yang lebih besar dan untuk jangka masa panjang. Ini satu usaha bagi menjamin keuntungan seterusnya memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada anggota.

7. Barisan Anggota Lembaga dan pengurus koperasi pula hendaklah sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran serta sentiasa mengikuti perkembangan dan teknologi terkini dalam bidang perniagaan, industri dan hal-hal

berkaitan yang boleh membantu memajukan koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. Dalam kita berdepan dengan situasi harga barangan naik, koperasi amat digalakkan untuk menceburi

perniagaan peruncitan. Perniagaan runcit adalah satu-satunya sektor perniagaan yang paling mudah diceburi di Malaysia.

9. Bagi membantu koperasi yang terlibat dalam peruncitan, ANGKASA menyediakan platform digital untuk

peruncit melalui Program Peruncitan BA100. Menerusi BA100, kedai-kedai koperasi dapat bergabung dan menawarkan jualan barangan asas pada harga berpatutan seterusnya membantu meningkatkan ekonomi gerakan koperasi. Secara tidak langsung gerakan koperasi dapat

mendepani masalah kekurangan bekaln barangan asas di pasaran serta situasi harga barangan yang mahal.

10. Ini selaras dengan tanggungjawab ANGKASA yang telah dipersetujui dalam Aspirasi Koperasi

Malaysia, iaitu berperanan merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi dengan mengenal pasti dan memajukan bidang perniagaan baharu, membangun dan memperkukuhkan perniagaan sedia ada.

11. Akhir kata, saya berdoa semoga Koperasi Guru-Guru Melayu Muar Berhad akan bertambah maju pada masa depan. ANGKASA berharap agar mesyuarat agung ini berjalan lancar dan mencapai segala matlamat demi kelangsungan koperasi dan bersama-sama membawa

koperasi bergerak seiring dengan perkembangan semasa.

Dengan lafaz
Bismillahirrahmaanirrahim, saya
dengan ini merasmikan Mesyuarat
Agung Koperasi Guru-Guru Melayu
Muar Berhad Kali ke-59 Tahun 2023.

Assalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi

Terima kasih.